

23 MAY 1996

Ling

LING DI VIETNAM UNTUK BINCANG HUBUNGAN KERETA API

HANOI, 23 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik memulakan lawatan tiga hari ke Vietnam hari ini khusus untuk membincangkan kemasukan negara ini dalam cadangan hubungan kereta api trans-Asia Singapura China dan kerjasama antara pelabuhan utama Malaysia dan Vietnam.

Ling tiba di Bandayara Ho Chi Minh -- pusat perdagangan negara ini di sebelah selatan -- dan disambut oleh Timbalan Menteri Pengangkutan dan perhubungan Vietnam, Nguyen Tan Man.

Seorang jurucakap Jabatan Hubungan Luar berkata Ling dijadualkan melawat Pelabuhan Saigon di bandaraya itu, pelabuhan yang paling sibuk, esok sebelum datang ke sini untuk berbincang dengan rakan sejawatannya Bui Danh Luu yang dijadualkan pada hari Sabtu.

Dalam lawatan ini Ling mengetuai rombongan seramai 20 orang mengandungi pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar, pihak-pihak berkuasa kereta api dan pelabuhan dan ahli perniagaan.

Sementara itu, para penganalisis di sini berkata perbincangan itu akan menghasilkan satu kerjasama yang menghubungkan Pelabuhan Saigon dengan Pelabuhan Klang dan sebaliknya.

Dengan lokasinya yang strategik menghubungi negara-negara tepian Sungai Mekong, termasuk Kemboja, Thailand utara dan Laos, Pelabuhan Saigon akan juga mendapat faedah daripada kerjasama ini, kata mereka.

Mereka juga menjangka Kuantan dan Kemaman akan turut mendapat faedah dari kerjasama itu apabila kedua-dua pelabuhan di pantai timur Malaysia itu dihubungkan dengan lebuh raya terus ke Pelabuhan Klang.

Ling merupakan menteri Asean yang kedua yang melawat ke sini semenjak dua bulan lepas untuk membincangkan kemasukan Vietnam dalam cadangan hubungan kereta api trans-Asia itu dan sekali gus memulakan peringkat pertamanya.

April lepas, Menteri Luar Thai Kasem S.Kasemsri menyatakan sokongan Thailand supaya Vietnam dimasukkan dalam cadangan landasan yang panjang itu.

Hasil ilham Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, konsep rangkaian landasan serantau itu telah dipersetujui pada Persidangan Asean di Bangkok Disember lepas.

Asean juga telah memasukkan China, Korea Selatan dan Jepun ke dalam skim itu yang telah dibangkit dan disokong dalam Mesyuarat Asia Eropah (ASEM) yang pertama awal tahun ini.

Cadangan rangkaian landasan itu akan bermula di Singapura dan melalui ibu negara utama di rantau ini ke Beijing.

Febuari lepas Vietnam membuka semula hubungan kereta api dengan China selepas 17 tahun semenjak peperangan singkat tetapi sengit antara dua jiran komunis itu.

Perkhidmatan kereta api itu mempunyai 68 tempat duduk, diadakan dua kali seminggu dengan tambang untuk perjalanan selama 58 jam sebanyak AS\$68 (RM170) untuk tempat duduk biasa dan AS\$149 (RM372.50) untuk yang berkusyen. -- BERNAMA

RN WAT NMO